
Wah Chan Raikan Ulang Tahun Ke-70 Tahun Warisan Elegan Penuh Makna

Nama **Wah Chan** bukan asing lagi dalam dunia **barang kemas Malaysia**. Jenama ini sudah bertapak sejak tahun 1955 – bermula dari sebuah kedai emas kecil di Pekan, Pahang, milik pasangan suami isteri **Encik Koh Kui Wah** dan **Puan Lai Swee Chan**. Dari kedai yang hanya melayan pelanggan tempatan, Wah Chan kini memiliki lebih 50 butik di seluruh negara, menjadikannya jenama barang kemas tempatan yang bukan sahaja bertahan, malah semakin kukuh merentas generasi.

Apa yang menarik, Wah Chan bukan sekadar menjual emas atau berlian, tetapi menjadi sebahagian daripada **momen peribadi paling berharga rakyat Malaysia**. Dari cincin pertunangan, rantai perkahwinan, gelang hadiah ulang tahun sehinggalah kepada koleksi warisan keluarga – setiap ciptaan emas, berlian dan batu permata Wah Chan menyimpan makna tersendiri. Di sinilah kekuatan sebenar mereka: **barang kemas sebagai simbol cinta, legasi dan identiti keluarga**.



Komitmen Kualiti Yang Tidak Pernah Goyah Selama 70 Tahun

Bagaimana sebuah jenama tempatan boleh kekal relevan selama tujuh dekad dalam pasaran yang semakin kompetitif? Jawapannya terletak pada **komitmen Wah Chan terhadap kualiti, ketukangan, dan keaslian seni barang kemas**.

Menurut **Amanda Koo, Pengarah Wah Chan**, "**Barang kemas bukan sekadar hiasan. Ia adalah cinta, warisan, dan ekspresi diri. Selama 70 tahun, kami bukan sekadar menjual barang kemas, tetapi menjadi sebahagian daripada perjalanan hidup pelanggan kami.**"

Apa yang membezakan Wah Chan ialah keupayaan mereka mengimbangi **tradisi ketukangan klasik dengan inovasi moden**. Setiap koleksi dihasilkan oleh pasukan **artis tukang emas, gemologis dan pereka dalaman** yang memastikan setiap butiran batu permata, setiap ukiran, dan setiap rekaan memenuhi standard antarabangsa. Hasilnya? Barang kemas yang bukan sahaja cantik dipandang, tetapi juga **tahan lama, bernilai, dan mampu diwarisi dari satu generasi ke generasi seterusnya**.



Koleksi Love Infinity: Manifestasi Cinta Dalam Setiap Bentuk


Sempena ulang tahun ke-70, Wah Chan memperkenalkan koleksi eksklusif **Love Infinity**, yang meraikan cinta dalam pelbagai bentuk – cinta pada diri sendiri, pasangan, anak-anak, dan keluarga. Koleksi ini cukup unik kerana setiap warna yang dipilih membawa maksud mendalam:

- **Merah** melambangkan semangat dan passion.
- **Hijau** melambangkan kesihatan yang baik.
- **Putih** membawa erti kedamaian.
- **Berlian** melambangkan cinta abadi yang tak lapuk dek masa.
- **Emas** sebagai simbol kemewahan dan kelimpahan rezeki.

Bintang utama koleksi ini ialah **Love Infinity 24K Bracelet**, iaitu **gelang emas 24K eksklusif** pertama Wah Chan yang boleh disesuaikan mengikut citarasa pemakai. Menariknya, hanya **70 unit** sahaja dikeluarkan di seluruh dunia, menjadikannya koleksi edisi terhad yang sangat bernilai untuk pengumpul dan penggemar barang kemas mewah.

Harga permulaan gelang ini adalah RM4,950 – angka yang dilihat berbaloi dengan nilai sentimental, reka bentuk unik dan status eksklusifnya. Setiap gelang turut diukir dengan logo ulang tahun ke-70, lengkap dengan sijil rasmi. Wah Chan juga menawarkan **privilege istimewa** – pemilik gelang ini boleh menukar reka bentuk sebanyak dua kali secara percuma seumur hidup.

Selain gelang, Wah Chan turut melancarkan **70th Anniversary Gold Bar** yang sarat simbolik dan keistimewaan pelaburan. Dengan harga RM3,000, gold bar ini dijangka meningkat nilainya kepada RM3,630 selepas tempoh tertentu. Tambahan pula, 70 pembeli bertuah akan menikmati kelebihan **100% Buy Back selama 7 tahun** serta pulangan **7% setahun untuk 3 tahun pertama**. Dalam erti kata lain, ia bukan sekadar barang kemas, tetapi juga **pelaburan emas yang pintar dan menguntungkan**.



Celebrate 70 Years Of Love: Kempen Penuh Ganjaran, Promosi Dan Aktiviti

Bagi menyemarakkan lagi sambutan ulang tahun ini, Wah Chan melancarkan kempen **Celebrate 70 Years of Love**, berlangsung sehingga 13 Disember 2025. Kempen ini bukan sekadar jualan besar-besaran, tetapi sebuah usaha untuk **menghargai pelanggan setia** yang telah menjadi sebahagian daripada perjalanan Wah Chan selama ini.

Antara tawaran menarik termasuk:

- **Diskaun RM70 untuk gram pertama emas 916** sebagai simbol tujuh dekad keunggulan.
- **Potongan harga sehingga 70%** untuk barang kemas terpilih.
- **Cabutan bertuah** – hadiah minggguan emas 10g, hadiah bulanan cincin berlian 1 karat, dan hadiah utama sebuah **Tesla Model 3**.
- **Ganjaran eksklusif** – belanja RM700 akan menerima baucar RM700, manakala pembelian RM7,000 ke atas akan menerima tumbler atau tote bag percuma.
- **Pelanggan nostalgia** – sesiapa yang masih menyimpan resit asal dari tahun 1955 boleh menebus nilai tunai bersamaan.
- **Weekly Gold Beans Challenge** – pengalaman interaktif di butik untuk mereka yang berbelanja RM700 ke atas dalam satu resit.
- **Call to Say "I Love You" atau "Thank You"** – peluang untuk mendapatkan baucar tunai RM700 hanya dengan satu panggilan penghargaan.

Selain tawaran ini, acara-acara khas turut dianjurkan seperti **Love in Every Step Fun Duo Run** pada 30 November 2025 – acara larian santai untuk pasangan, rakan, dan keluarga. Tidak ketinggalan pertandingan **AI Song & Wah Chan Dance** yang berkolaborasi dengan kolej dan sekolah tarian tempatan, sekali gus menambah elemen fun dan moden dalam sambutan kali ini.

Jenama Tempatan Dengan Aspirasi Global

Apa yang membuatkan Wah Chan lebih istimewa ialah bagaimana ia berjaya kekal sebagai **jenama barang kemas tempatan** yang bertahan lama, dalam masa sama mempunyai potensi besar ke peringkat antarabangsa. Kejayaan mereka adalah bukti bahawa **jenama Malaysia mampu berdiri setanding dengan nama-nama besar luar negara**apabila diberi peluang dan sokongan.

Dalam dunia hari ini, di mana trend barang kemas berubah pantas dengan kemunculan jenama antarabangsa dan rekaan moden, Wah Chan tetap mampu mengekalkan **DNA tradisional sambil menyerap elemen kontemporari**. Inilah yang menjadikan mereka unik – produk yang bukan sahaja cantik dipakai, tetapi juga **punya jiwa dan cerita**.

Apa Kata Budiey?

Bagi Budiey, sambutan ulang tahun ke-70 Wah Chan ini bukan sekadar milestone perniagaan, tetapi satu **testimoni hebat tentang ketahanan dan relevansi jenama tempatan**. Wah Chan bukan sahaja menjual **gelang emas, cincin berlian, atau rantai permata**, tetapi menjual **emosi, memori, dan legasi**.

Koleksi **Love Infinity** yang eksklusif dan pelancaran **Gold Bar ulang tahun** jelas menunjukkan keberanian Wah Chan untuk terus berinovasi, walaupun sudah 70 tahun dalam industri. Malah, kempen **Celebrate 70 Years of Love** dengan tawaran besar-besaran dan aktiviti interaktif membuktikan bahawa Wah Chan tidak hanya meraikan dirinya, tetapi juga meraikan pelanggan yang menjadi tulang belakang kejayaan mereka.

Budiey yakin, jika Wah Chan terus mengekalkan semangat inovasi ini, ditambah dengan warisan dan kepercayaan yang sudah terbina, jenama ini akan terus **menjadi ikon barang kemas Malaysia untuk 70 tahun akan datang**.